

Pengaruh
dan
Pendekatan

Syeikh Abdullah Fahim

dalam Pengajian Hadis Tanah Air



✦ Khairul Nizam Zainal Badri

Syeikh Abdullah bin Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Syeikh Abdullah Fahim (1869 hingga 1961) adalah antara tokoh terawal yang mempopularkan pengajian hadis secara formal di sekolah-sekolah di Tanah Melayu, iaitu sekitar tahun 1915 hingga 1940.

Ketika itu beliau berkhidmat di beberapa buah sekolah terkenal seperti Madrasah al-Hamidiyyah di Alor Setar, Kedah; Madrasah Da'irat al-Maarif al-Wataniyyah di Kepala Batas, Pulau Pinang; dan Madrasah Idrisiah di Kuala Kangsar, Perak. Beliau yang dilahirkan di Tanah Haram itu bukan sahaja telah mendapat pendidikan awal daripada ramai alim ulama, bahkan turut mendapat pendedahan yang meluas sama ada dalam bidang agama mahupun perkembangan semasa yang meliputi perhubungan antarabangsa dan kemajuan ilmu pengetahuan. Melalui pendedahan tersebut, beliau melihat umat Islam

perlu menguasai asas agama, khususnya dalam bidang hadis kerana bidang tersebut menjadi teras bagi kemajuan dan gerakan keintelektualan umat Islam.

Namun begitu, pengajian hadis secara formal pada masa itu dianggap agak asing dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh, ulama asal India bernama Tok Khurasan menghadapi masalah ketika memperkenalkan pengajian hadis kepada masyarakat Kelantan pada awal abad ke-20M. Hal ini berikutan telah tersebar khabar dalam kalangan masyarakat bahawa ilmu hadis pada masa itu dikatakan tidak boleh diajar kepada orang awam.

Keadaan ini menyebabkan ramai orang mengelak untuk belajar dalam bidang tersebut. Lantaran itu, Tok Khurasan hanya mengajar hadis di rumah atau di madrasahnyanya sahaja, iaitu di Kampung Sireh, Kota Bharu.

Terdapat dua faktor utama yang menyebabkan pengajian hadis tidak begitu popular pada masa itu. Pertama, pengajaran dalam bidang tersebut kadangkala turut melibatkan perbincangan hukum sehingga mencetuskan kontroversi dalam kalangan masyarakat. Kedua, pengajian hadis dikatakan mempunyai hubungan dengan gerakan Kaum Muda yang terlibat dengan gerakan pengislahan yang mendapat tentangan para ulama daripada aliran Kaum Tua. Syeikh Abdullah Fahim juga dikatakan pernah terheret dalam kancan polemik antara dua aliran tersebut. Dikatakan bahawa beliau pernah difitnah terlibat dengan gerakan Kaum Muda kerana dituduh mengajar anak muridnya mentafsir hadis. Namun begitu, dengan sikap penuh hikmah dan kebijaksanaan, beliau menjelaskan bahawa para pelajar yang belajar ilmu hadis bukanlah dibenarkan sesuka hati mentafsir hadis, sebaliknya mereka perlu merujuk penerangan yang telah dibuat oleh ulama terdahulu.

Faktor lain yang turut menyebabkan bidang hadis tidak begitu popular berbanding dengan bidang lain seperti fiqh dan tasawuf ialah penguasaan dalam bidang bahasa Arab. Tidak banyak kitab hadis yang diterjemahkan dalam Bahasa Melayu. Keadaan ini

menyebabkan masyarakat Melayu kurang mendapat pendedahan dalam bidang tersebut. Tok Khurasan sendiri ketika mengajar hadis lebih banyak menggunakan bahasa Arab kerana kitab yang dirujuknya adalah dalam bahasa Arab. Begitu juga dengan Syeikh Abdullah Fahim yang sangat memberikan penekanan terhadap penguasaan bahasa Arab, tetapi pada masa yang sama turut menggalakkan penterjemahan kitab dalam bahasa Melayu.


Pengaruh awal

Tokoh yang paling banyak mempengaruhi pemikiran Syeikh Abdullah Fahim dalam bidang hadis ialah Sayyid Muhammad Amin bin Sayyid Ahmad bin Sayyid Ridwan al-Madani. Bahkan semua cabang ilmu yang utama termasuk himpunan zikir, wirid dan qasidah juga telah diijazahkan oleh Sayyid Muhammad Amin kepada Syeikh Abdullah Fahim yang

dianggapnya sebagai anak muridnya yang paling cemerlang. Begitu juga kesemua sanad kitab hadis yang utama, iaitu *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abi Dawud*, *Jami' al-Tirmidzi*, *Sunan al-Nasa'i*, *Sunan Ibn Majah* dan *al-Muwatta'* telah diijazahkan kepada Syeikh Abdullah Fahim melalui jalur gurunya, Syeikh Abdul Ghani bin Abi Sa'id al-'Umari al-Naqshabandi.

Diriwayatkan bahawa seorang daripada anak murid Sayyid Muhammad Amin yang sangat terkenal yang turut menyambung periwatan ilmu dengannya ialah Syeikh Muhammad Abdul Hayy bin Abdul Kabir al-Kattani, ulama asal Maghribi yang digelar sebagai *Musnid al-Dunya* dalam bidang hadis.

Tokoh hadis lain yang terkenal di Alam Melayu seperti Syeikh Muhammad Mahfuz al-Termasi lebih banyak meriwayatkan kitab utama dalam bidang hadis daripada gurunya yang bernama



Hadis yang merupakan sumber rujukan kedua selepas al-Quran wajar menjadi asas dalam kehidupan umat Islam.



Kepulangan Syeikh Abdullah Fahim ke Tanah Melayu sekitar tahun 1915 hingga 1916 telah membuka satu lembaran baharu dalam aktiviti keintelektualan, khususnya dalam kalangan umat Islam di utara tanah air. Hal ini kerana beliau dianggap sebagai tokoh penting yang telah membuka pintu pengajian hadis yang selama ini dianggap asing dalam kalangan orang awam.

Sayyid Abu Bakar bin Muhammad Syata al-Makki. Beliau hanya meriwayatkan kitab *Sunan Abi Dawud, al-Muwatta', Musnad Imam Ahmad dan Mukhtasar Ibn Abi Jamrah* daripada Sayyid Muhammad Amin. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa Syeikh Abdullah Fahim bukan sahaja disahihkan autoriti oleh gurunya, bahkan turut mempunyai kedudukan yang sangat istimewa di sisi gurunya yang telah mengiktiraf daya intelek yang dimilikinya setanding dengan anak-anak muridnya yang lain yang terkenal dalam bidang tersebut.

Sayyid Muhammad Amin meriwayatkan kesemua kitab hadis yang utama daripada gurunya, Syeikh Abdul Ghani di Madinah. Syeikh Abdul Ghani berhijrah dari Delhi, India ke Madinah selepas tercetusnya Pemberontakan Sepoi pada tahun 1857. Selain Sayyid Muhammad Amin, seorang lagi tokoh besar dalam bidang hadis yang menjadi anak muridnya ialah Maulana Qasim al-Nanautawi yang merupakan pengasas Darul Ulum di Deoband, sebuah institusi pengajian ilmu agama dan hadis yang sangat terkenal di India. Syeikh Abdul Ghani diriwayatkan mempelajari kesemua kitab hadis yang utama daripada bapanya,

Syeikh Abu Sa'id bin Safi

al-Qadir al-Mujaddidi yang pernah mendapat didikan daripada Shah Abdul Aziz al-Dhlawi. Akan tetapi, yang mengijazahkan kesemua kitab hadis kepada Syeikh Abdul Ghani ialah Syeikh Muhammad 'Abid al-Sindi, seorang lagi tokoh besar hadis yang menetap di Madinah.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran

Dengan hal demikian, bolehlah disimpulkan bahawa gaya pengajaran Syeikh Abdullah Fahim sangat dipengaruhi oleh corak pendidikan gurunya yang mendapat pendedahan daripada kurikulum masyarakat Madinah dan India. Oleh itu, pendekatan yang telah digunakan oleh Syeikh Abdullah Fahim adalah gabungan dan kesepaduan daripada kurikulum di dua kawasan tersebut;

1 Menerapkan kurikulum pembelajaran nizami dan umumi. Kurikulum nizami ialah sistem pembelajaran yang diamalkan di India, manakala umumi ialah sistem halakah yang menjadi kelaziman di Makkah dan Madinah. Kurikulum nizami ialah pembelajaran bertahap, iaitu teks pengajian ditentukan mengikut tahap oleh pihak sekolah. Kurikulum umumi pula bersifat terbuka, iaitu teks pengajian ditentukan oleh guru atau pengajar. Kurikulum nizami dikhususkan kepada murid sekolah, manakala kurikulum umumi terbuka kepada semua. Walau bagaimanapun, Syeikh Abdullah Fahim mewajibkan muridnya menghadiri kedua-dua kelas tersebut.

2 Syeikh Abdullah Fahim mengajar kitab *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* yang merupakan kitab utama dalam bidang hadis. Kelas pengajian hadis lazimnya diadakan pada pagi Selasa dan Jumaat untuk kelas nizami. Kitab yang sama juga turut diajar di dalam kelas umumi. Beliau mewajibkan muridnya mengikuti pengajian kitab tersebut tidak kira sama ada dijalankan di Madrasah Idrisiah Kuala Kangsar atau Madrasah Da'irat al-Maarif Wataniyyah, Kepala Batas.

3 Ketika mengendalikan kelas pengajian hadis, Syeikh Abdullah Fahim akan mengarahkan seorang daripada muridnya untuk membaca hadis. Beliau akan membetulkan baris bacaan jika muridnya tersalah baca. Cara beliau menghuraikan sesuatu hadis terbahagi kepada dua;

- a. Dari segi bahasa, iaitu aplikasi nahu dan saraf dalam hadis.
- b. Dari segi perbahasan inti pati (kandungan) dengan menggunakan pendekatan *muafaqah* (yang bersamaan) dan *mukhalafah* (yang berlawanan).

4 Syeikh Abdullah Fahim menggunakan penolong guru untuk membantu mengukuhkan penguasaan muridnya dalam pembelajaran. Sebagai contoh, di Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar, penolong guru akan mengajar pada sebelah petang. Pada sebelah pagi pula, murid akan mengikuti pengajian dari pukul 8.00 pagi hingga 1.30 tengah hari

di bawah bimbingan guru atau syeikh.

5 Syeikh Abdullah Fahim tidak mengambil sembarangan guru untuk mengajar ilmu hadis. Selain dirinya, hanya dua orang guru yang diamanahkan untuk mengajar dalam bidang tersebut, iaitu Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan Ustaz Abdul Halim al-Hadi. Kedua-duanya merupakan anak muridnya. Pemilihan guru tersebut menyebabkan anak muridnya yang lain tidak mengambil bahagian untuk mengajar dalam bidang hadis selepas Syeikh Abdullah Fahim meninggal dunia walaupun mereka mempunyai nama yang besar dalam bidang pendidikan.

6 Murid yang berada pada peringkat permulaan perlu menghafal kitab hadis yang telah ditetapkan seperti *Arba'in al-Nawawiyah*, *Mukhtar al-Hadis* dan *Bulugh al-Maram*. Selain itu, mereka juga perlu menguasai bahasa Arab kerana kesemua kitab utama yang menjadi teks pengajian diajar dalam bahasa Arab.

7 Untuk menguasai bahasa Arab, murid telah didedahkan dengan ilmu nahu dan saraf pada peringkat permulaan. Antara kitab yang digunakan termasuklah *al-Kawakib al-Durriyyah Syarah Mutammimah al-Ajrumiyyah* yang dikarang oleh tokoh ulama Yaman, Syeikh Muhammad bin Ahmad bin Abdul Bari al-Ahdal.

8 Dalam kelas pengajaran umumi, beliau mengajar secara berhemah dan toleransi. Beliau tidak bersikap garang atau keras terhadap muridnya. Oleh itu, kelasnya mudah menarik perhatian orang

ramai untuk menghadirinya. Ketika beliau mengadakan kelas umumi di Madrasah Da'irat al-Maarif, Wataniyyah, Kepala Batas, penuntut ilmu dari Patani turut hadir ke kelasnya. Ada juga yang sanggup berbasikal dari Bukit Mertajam semata-mata kerana ingin mendengar kuliahnya.

Kepulangan Syeikh Abdullah Fahim ke Tanah Melayu sekitar tahun 1915 hingga 1916 telah membuka satu lembaran baharu dalam aktiviti keintelektualan, khususnya dalam kalangan umat Islam di utara tanah air. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau dianggap sebagai tokoh penting yang telah membuka pintu pengajian hadis yang selama ini dianggap asing dalam kalangan orang awam. Dengan memperkenalkan kurikulum pengajaran dan pembelajaran yang sistematik, pengajian hadis telah mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Orang ramai mula mengenali kitab induk yang menjadi rujukan utama dalam bidang hadis. Langkah Syeikh Abdullah Fahim memperkenalkan pengajian hadis kepada umat Islam di Tanah Melayu dikatakan tepat pada masanya di kala penduduk asal masih teraba-raba untuk mencari kekuatan bagi mengimbangi kuasa penjajah yang telah sekian lama memerintah dan mengaut hasil bumi tempatan. Hadis yang merupakan tunjang utama di sisi al-Quran wajar menjadi asas dalam kehidupan umat Islam kerana kedudukannya selaku sumber atau wadah ilmu dan intelek yang menjadi panduan hidup untuk menggapai kejayaan dunia dan akhirat. 🕌